

	PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM)	Nombor Rujukan Fail:
		Tarikh Kemaskini: 1 September 2021

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN TPPM

a) Julat Harga Rumah

Harga rumah adalah berdasarkan kepada harga belian asal daripada pemaju;

- i. Bagi kategori rumah **kos rendah** swasta:
 - Semenanjung : RM42,000.00 ke bawah; dan
 - Sarawak, Sabah dan Labuan : RM59,000.00 ke bawah.
- ii. Bagi kategori rumah **kos sederhana rendah** swasta:
 - Semenanjung : RM42,001.00 sehingga RM80,000.00
 - Sarawak, Sabah dan Labuan : RM59,001.00 sehingga RM100,000.00).

b) Skop Kerja Penyelenggaraan

Skop kerja penyelenggaraan hanya bagi bangunan rumah berstrata sahaja.

- Skop A: Membaiki atau mengganti lif
- Skop B: Membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi
- Skop C: Penyelenggaraan atau mengganti paip sanitari
- Skop D: Membaiki atau mengganti bumbung
- Skop E: Membaiki atau mengganti tangga & susur tangan (*handrail*)
- Skop F: Mengecat semula bangunan dan harta bersama
- Skop G: Pendawaian semula dan kerja elektrik
- Skop H: Membaiki atau mengganti kerosakan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
- Skop I: Mengganti atau membina pagar keliling; dan
- Skop J: Pembaikan cerun

	PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM)	Nombor Rujukan Fail:
		Tarikh Kemaskini: 1 September 2021

c) Kaedah Pelaksanaan

- 100% kos penyelenggaraan dibiayai di bawah peruntukan TPPM; dan
- agensi pelaksana bagi projek TPPM ialah PBT atau agensi kerajaan diperingkat Negeri / Persekutuan.

d) Lain-lain yang berkaitan

- **Keutamaan** diberikan kepada kawasan pemajuan yang telah menubuhkan JMB/MC; dan
- anggaran awal kos projek perlu disahkan oleh agensi teknikal PBT.

e) Penghantaran Borang Permohonan yang telah lengkap

- Borang permohonan yang telah lengkap, hendaklah dihantar kepada **Pesuruhjaya Bangunan (COB), Pihak Berkuasa Tempatan (Dewan Bandaraya / Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran / Majlis Daerah)**.

2.0 KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan dan surat-menyurat boleh dimajukan kepada alamat seperti berikut;

Pengarah
Bahagian Penyelenggaraan Perumahan
Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 30, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA.
No. Tel. : 03-8891 4042 / 4067 / 4044 / 4066

3.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan permohonan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ia dikeluarkan.